

ETNISITI DAN INTERAKSI SOSIAL DALAM KALANGAN MURID PELBAGAI ETNIK DI BILIK DARJAH

Suresh Kumar N Vellymalay

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang, Malaysia

Emel: suresh@usm.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pola interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. Sampel kajian terdiri daripada 1000 murid. Seramai 500 murid dipilih daripada lima buah sekolah menengah di Kedah dan 500 murid lagi dipilih daripada lima buah sekolah menengah di Perak. Temu bual berstruktur dilakukan dengan responden. Soal selidik digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kuantitatif daripada murid yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti murid dalam bilik darjah memperlihatkan pola interaksi dengan rakan daripada kelompok etnik yang sama. Kerapatan dalam kalangan murid daripada kelompok etnik yang sama mengukuhkan persahabatan lebih-lebih lagi dalam kalangan murid yang mempunyai budaya dan bahasa interaksi yang sama.

KATA KUNCI: *interaksi, persahabatan, murid, etnik, sekolah*

ABSTRACT

This study was aimed to explore the pattern of social interaction among pupil across ethnic in classroom. The research sample consists of 1000 pupils. A total of 500 pupils were chosen from five secondary s in Kedah and another 500 pupils were chosen from five secondary schools in Perak. Structured interviews were conducted with the pupils. Questionnaires were used by the researcher to obtain quantitative data from the pupils studied. The findings of the study indicate that majority of the pupils in the classroom interact with their friends from the same ethnic group. The intimacy among pupil from the same ethnic group strengthens their friendship especially among those who shares the same culture and language.

KEYWORDS: *interaction, friendship, pupil, ethnicity, school*

1.0 PENDAHULUAN

Sistem pendidikan merupakan elemen yang penting dalam usaha kerajaan mendidik dan membangunkan masyarakat berbilang kaum ke arah integrasi etnik dan perpaduan nasional. Dalam hal ini, peranan sistem pendidikan bukan sahaja mengalirkan ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat tetapi ia juga bertindak sebagai saluran yang mempromosikan kepentingan perpaduan bagi negara ini yang terdiri daripada masyarakat pluralistik (Mior Khairul Azrin, 2011).

Polarisasi kaum yang jelas ternyata sewaktu penjajahan Inggeris dan keperluan untuk menyatupadukan masyarakat yang jauh terpisah dari segi taraf sosioekonomi telah menjadi agenda utama kerajaan sebaik sahaja kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Dalam hal ini, Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 memberi penekanan yang tinggi ke atas soal perpaduan negara melalui sistem pendidikan yang bersifat menyeluruh (Majlis Dialog Nasional pendidikan Negara, 2010). Hasilnya, Akta Pendidikan 1961 telah mencorakkan pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan bagi membina negara bangsa atas tiang permuafakatan (Mohamad Rodzi, 2009). Dengan kata lain, perpaduan nasional menjadi unsur yang amat penting dalam penggubalan dasar pendidikan bagi negara ini sebaik sahaja kemerdekaan diperoleh daripada British (Mior Khairul Azrin, 2011). Bertitik tolak dari kemerdekaan Tanah Melayu sehinggalah kini digelar Malaysia, sistem pendidikan negara terus memainkan peranan yang penting dalam usaha merealisasikan integrasi nasional dan pembangunan masyarakat melalui pendidikan demi membina negara bangsa yang bertunjangkan bangsa Malaysia.

Dalam merealisasikan hasrat ini, sekolah bertindak sebagai institusi pendidikan formal yang menerima dan mendidik para murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang sosial. Dalam konteks pendidikan negara, sekolah diberi kepercayaan yang tinggi dan dipertanggungjawabkan bagi membentuk integrasi nasional. Jika dilihat pada hasrat dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, peranan sekolah amat diperlukan dalam memperkembang potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu. Hubungan antara etnik dalam kalangan murid amat perlu untuk menjadikan murid sebagai insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Malahan, pembentukan hubungan etnik juga merupakan satu keperluan utama bagi melahirkan rakyat Malaysia yang mampu menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Akta Pendidikan 1996).

Walau bagaimanapun, dalam menghadapi alam persekolahan, murid berdepan dengan pelbagai pembezaan sosial dalam persekitaran pembelajaran di sekolah khususnya dalam mengharungi persekitaran yang menggabungkan murid berbilang etnik. Pelbagai pembezaan sosial dalam persekitaran sekolah ini boleh membawa kepada pembentukan sikap prejudis, stereotaip dan labeling yang mampu membentuk jurang perbezaan etnik yang ketara jika iklim sekolah tidak berupaya untuk membentuk suasana pembelajaran yang positif melibatkan kedinamikan struktur yang dikongsi oleh murid daripada pelbagai etnik. Dalam keadaan sebegini, murid akan terus membesar dalam ruang yang memperlihatkan praktis-praktis diskriminasi. Faktor ini menjadi halangan kepada pola komunikasi dan interaksi antara murid. Maka, sikap dan tingkah laku yang terbentuk akan mengurangkan peluang untuk membentuk hubungan antara etnik, dari peringkat akar umbi lagi (Allport, 1954).

Justeru, interaksi antara murid amat perlu bagi merapatkan hubungan antara murid yang terdiri daripada etnik dan latar belakang sosial yang berbeza. Namun demikian, interaksi turut bergantung kepada kerapatan murid. Jika kerapatan murid lebih terarah kepada kumpulan seetnik akibat pelbagai faktor persamaan yang dikongsi bersama maka ia pasti akan melemahkan hubungan antara etnik dalam kalangan murid di sekolah.

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Meneroka pola interaksi sosial dalam kalangan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah.
2. Menerangkan faktor-faktor yang menghalang interaksi merentasi etnik di persekitaran bilik darjah.

2.0 KAJIAN LEPAS

Interaksi tidak berlaku tanpa hubungan antara dua individu atau lebih. Hubungan yang positif akan memperlihatkan interaksi yang positif antara individu dan begitu juga sebaliknya. Dalam aspek ini, teori hubungan oleh Gordon Allport (1954) merupakan salah satu teori yang meletakkan kredibiliti yang tinggi pada konsep 'hubungan' sebagai cara untuk membentuk hubungan yang berkesan antara kumpulan-kumpulan yang menghadapi konflik. Teori ini menekankan hubungan

sebagai cara yang paling penting untuk mengurangkan sikap prejudis antara golongan majoriti dan minoriti. Menurut Allport, jika satu-satu hubungan dibentuk dengan cara yang baik, ia bukan sahaja berkesan dalam mengurangkan masalah-masalah yang timbul antara kumpulan-kumpulan tertentu malah ia mampu menjana komunikasi dan interaksi yang berkesan antara mereka. Sehubungan itu, menurut Allport (1954) terdapat empat perkara utama yang mempengaruhi pembentukan hubungan yang positif antara kumpulan etnik yang berbeza adalah persamaan status dalam hubungan, persamaan matlamat yang dikongsi, kerjasama antara kumpulan dan juga sokongan daripada pihak yang mempunyai autoriti tertentu. Empat-empat perkara ini dilihat sebagai berkemampuan tinggi dalam mengurangkan masalah prejudis, steotaip, labeling dan diskriminasi.

Secara umumnya, telah menjadi kebiasaan bagi manusia bagi membentuk persahabatan dalam lingkungan bangsa yang sama (McPherson *et.al.*, 2001). Kajian Sanusi Osman (1989) di institusi pengajian tinggi mendapati bahawa pemilihan rakan dan interaksi antara murid lebih menjurus kepada rakan daripada etnik yang sama. Walaupun terdapat peluang dan pilihan yang tinggi dalam mewujudkan pola pembentukan interaksi merentasi etnik namun ia tidak memihak kepada hala tuju tersebut. Kajian Mohd Rizal dan Thay Cheow Lin (2012) di Universiti Teknologi Malaysia mendapati hubungan etnik dalam kalangan pelajar pelbagai etnik dari segi kehidupan seharian, penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dan dalam kegiatan pembelajaran berada pada tahap sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masih terdapat jarak sosial antara pelajar pelbagai etnik dalam aspek ini. Walau bagaimanapun, kajian Rusimah Sayuti *et.al.*, (2004) terhadap pelajar di Universiti Utara Malaysia mendapati bahawa interaksi pelajar di dalam kampus adalah positif dan kebanyakan pelajar berasa selesa dalam interaksi antara kaum. Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan untuk suasana interaksi antara kaum, tahap penyelesaian interaksi antara kaum dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum. Begitu juga dengan kajian Mansor Mohd Noor (2006) yang mendapati wujudnya suasana yang positif bagi interaksi antara pelajar pelbagai etnik di institusi pengajian tinggi.

Dalam konteks sekolah, kajian Hallinan dan Williams (1987), Kandel (1978) dan Tuma dan Hallinan (1979) yang melibatkan hubungan etnik di sekolah mendapati bahawa pernyataan tersebut ternyata benar. Kajian mereka mendapati bahawa murid lebih banyak membentuk persahabatan dengan rakan daripada bangsa yang sama. Di persekitaran sekolah, komunikasi yang baik antara murid memberi kesan kepada

interaksi dan kerapatan. Ia menjadi pemangkin kepada hubungan persahabatan. Kajian Sias dan Cahill (1988) mendapati bahawa apabila kerapatan murid bertambah maka para pelajar menunjukkan interaksi yang lebih kerap, bersifat luas dan bebas. Hal ini ternyata lebih kukuh terutamanya dalam hubungan persahabatan antara murid daripada budaya yang sama terutamanya yang menggunakan bahasa interaksi yang sama. Walau bagaimanapun, budaya berbeza memperlihatkan aplikasi bahasa yang berbeza yakni memberi takrifan makna yang berbeza. Kepelbagaian budaya menghasilkan kepelbagaian jenis individu yang mempunyai kepatuhan kepada budaya dan adat masing-masing maka pembentukan persahabatan merentasi budaya adalah suatu proses yang kompleks (Gareis, 2000). Hal ini kerana perbezaan dalam kepercayaan praktis yang terdapat satu-satu budaya mampu memberi tafsiran yang berbeza kepada pengamal budaya lain. Apatah lagi dalam soal persahabatan merentasi budaya.

Kajian Najeemah Mohd Yusof (2010) tentang interaksi sosial di sekolah menengah di Malaysia mendapati bahawa bahasa Melayu menjadi penghalang interaksi antara murid daripada kumpulan etnik yang berlainan. Persamaan bahasa ibunda dalam komunikasi mendorong persahabatan mengikut etnik yang sama. Misalnya, ejekan rakan apabila bahasa yang dipertuturkan tersalah sebutan atau berlakunya kesilapan dalam sebutan ayat dan intonasi bahasa di sekolah rendah yang bersifat monoetnik menghalang ramai murid India dan Cina daripada berkomunikasi dengan murid daripada etnik lain. Selain itu, hasil kajian juga mendapati sempadan etnik dalam kalangan murid yang berasal dari sekolah mono-etnik adalah tinggi. Lebih tinggi tahun pengajian murid, lebih tebal sempadan etnik dalam kalangan murid. Justeru, persahabatan dalam lingkungan etnik sendiri menghalang penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Justeru, dalam soal bahasa, perbezaan bahasa perhubungan mampu menjadi halangan kepada interaksi dan pemahaman yang dikongsi bersama dalam hubungan persahabatan (Sias *et.al.*, 2008).

Selain itu, kekuatan nilai etnisiti turut mempengaruhi interaksi murid di persekitaran sekolah. Kajian Najeemah Mohd Yusof (2006) mendapati bahawa setiap kumpulan etnik di sekolah kerap belajar dan berbincang dalam kumpulan etnik yang sama berbanding dengan kumpulan murid daripada etnik yang berbeza. Begitu juga halnya dalam aspek mendapatkan satu-satu bantuan di mana usaha untuk mendapatkan bantuan biasanya dirujuk kepada rakan daripada etnik yang sama. Kajian Najeemah Mohd Yusof (2006) ini juga mendapati kewujudan sikap etnosentrisme dalam kalangan murid di persekitaran sekolah. Maka, kerapatan dan interaksi yang ditunjukkan oleh

murid menggambarkan pola persahabatan yang lebih kukuh dalam lingkungan etnik yang sama berbanding merentasi etnik.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini dilakukan di sepuluh buah sekolah menengah iaitu lima buah sekolah dari negeri negeri Perak dan lima buah sekolah lagi dari Kedah. Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan maklumat daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing tentang sekolah yang menduduki tahap teratas dalam salah laku disiplin berkaitan pergeseran murid pelbagai kaum. Jumlah sampel bagi kajian ini adalah seramai 1000 murid. Sebanyak 100 orang murid dipilih daripada setiap sekolah. Daripada jumlah ini, 30 murid adalah daripada Tingkatan 1, 30 murid daripada Tingkatan 2 dan 40 murid lagi daripada Tingkatan 4. Murid daripada Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 tidak dipilih kerana peraturan telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia agar kajian tidak dijalankan ke atas murid yang bakal menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan bilangan sampel tersebut daripada setiap tingkatan.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat melalui temu bual berstruktur dengan murid berkaitan latar belakang dan pola interaksi di bilik darjah. Bahagian 'Latar belakang murid' dalam soal selidik terdiri daripada soalan-soalan tertutup (close-ended) berkaitan negeri tempat bersekolah, jenis sekolah, tingkatan, jantina, umur, etnik, agama dan tempat tinggal. Bahagian 'Interaksi' pula terdiri daripada soalan-soalan yang mengukur keberkesanan interaksi dalam kalangan murid di bilik darjah (misalnya, 'Dengan siapakah anda rasa selesa untuk bergaul?', 'Dengan siapakah anda banyak berbincang tentang budaya?', 'Dengan siapakah anda banyak berkongsi rahsia?', 'Dengan siapakah anda banyak bertukar pendapat dan fikiran mengenai isu semasa?'). Soalan-soalan ini adalah berbentuk soalan tertutup (close-ended) yang mempunyai tujuh pilihan jawapan iaitu (1) Melayu, (2) Cina, (3) India, (4) Melayu dan Cina, (5) Melayu dan India, (6) Cina dan India, dan (7) Melayu, Cina dan India. Responden kajian diminta untuk memilih satu jawapan yang paling sesuai dengan tingkah laku mereka.

Kesemua data yang diperolehi daripada responden dalam kajian ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22. Analisis statistik jadual silang digunakan

untuk mendapatkan statistik asas (dalam bentuk peratusan) bagi menerangkan pola interaksi dalam kalangan murid di bilik darjah.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Latar belakang murid

	Latar belakang	Bilangan	Peratus
Negeri	Perak	500	50.0
	Kedah	500	50.0
Jenis sekolah	Bandar	300	30.0
	Luar Bandar	700	70.0
Tingkatan	Ting 1	300	30.0
	Ting 2	300	30.0
	Ting 4	400	40.0
Jantina	Lelaki	546	54.6
	Perempuan	454	45.4
Umur	13 thn	292	29.2
	14 thn	270	27.0
	15 thn	26	2.6
	16 thn	344	34.4
	17 thn	68	6.8
Etnik	Melayu	547	54.7
	Cina	244	24.4
	India	209	20.9
Agama	Islam	547	54.7
	Buddha	233	23.3
	Hindu	197	19.7
	Kristian	18	1.8
	Lain-lain	5	0.5
Tempat tinggal	Bandar	375	37.5
	Luar bandar	625	62.5

n=1000

Jadual 1 menunjukkan latar belakang murid yang dikaji. Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 1000 orang murid dipilih sebagai responden kajian iaitu 500 murid di negeri Kedah dan 500 murid lagi di negeri Perak. Daripada jumlah tersebut, 30% murid adalah daripada Tingkatan 1, 30% daripada Tingkatan 2 manakala 40% pula daripada Tingkatan 4. Dari segi lokasi sekolah, sebanyak 70% murid yang dikaji berasal dari sekolah luar bandar manakala selainnya dari sekolah bandar. Selain itu, sebanyak 54.6% murid yang dikaji adalah lelaki manakala 45.4% murid adalah perempuan.

Daripada Jadual 1 juga didapati bahawa 56.2% murid berumur 13 hingga 14 tahun manakala 34.4% murid berumur 16 tahun. Hanya 6.8% dan 2.6% murid berumur 15 tahun dan 17 tahun masing-masing dan mereka berada pada Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 masing-masing kerana telah melalui tahap peralihan sebelum memasuki Tingkatan 1. Sebanyak 54.7% murid adalah daripada etnik Melayu, 24.4% etnik Cina manakala 20.9% murid etnik India. Dari segi agama pula, sebanyak 54.7% murid beragama Islam, 23.3% beragama Buddha manakala 19.7% murid beragama Hindu. Selainnya 2.3% murid yang dikaji adalah beragama Kristian dan lain-lain. Jika dilihat pada lokasi tempat

tinggal murid, sebanyak 62.5% murid berasal yang dikaji berasal dari luar bandar manakala 37.5% murid dari bandar.

Berdasarkan Jadual 1, dapat dikatakan bahawa kebanyakan murid yang dikaji adalah daripada etnik Melayu, diikuti oleh etnik Cina dan etnik India. Selain itu, majoriti daripada murid yang dikaji berasal dari jenis sekolah luar bandar. Tambahan lagi, latar belakang murid juga menunjukkan bahawa majoriti daripada murid yang dikaji menetap di kawasan luar bandar.

Jadual 2: Interaksi dalam kalangan murid di bilik darjah.

Bangsa	Keselesaan untuk bergaul					Jumlah		
	Melayu	Cina	India	Melayu, Cina dan India				
Melayu	53.5	0.5	0.7	0.0	54.7			
Cina	5.2	13.8	5.4	0.0	24.4			
India	1.1	3.2	16.3	0.3	20.9			
Jumlah	59.8	17.5	22.4	0.3	100.0			
Bangsa	Berbincang pengalaman peribadi							Jumlah
	Melayu	Cina	India	Melayu dan Cina	Melayu dan India	Cina dan India	Melayu, Cina dan India	
Melayu	53.0	0.3	0.5	0.5	0.4	0.0	0.0	54.7
Cina	2.9	15.8	4.3	0.6	0.0	0.1	0.7	24.4
India	1.0	2.6	11.4	1.5	0.0	0.0	4.4	20.9
Jumlah	56.9	18.7	16.2	2.6	0.4	0.1	5.1	100.0
Bangsa	Berbincang tentang budaya						Jumlah	
	Melayu	Cina	India	Melayu dan Cina	Melayu dan India	Melayu, Cina dan India		
Melayu	39.9	13.2	0.7	0.9	0.0	0.0	54.7	
Cina	2.9	10.3	4.2	6.3	0.2	0.5	24.4	
India	3.3	3.3	9.5	4.4	0.4	0.0	20.9	
Jumlah	46.1	26.8	14.4	11.6	0.6	0.5	100.0	
Bangsa	Berbincang tentang agama						Jumlah	
	Melayu	Cina	India	Melayu dan Cina	Melayu dan India	Melayu, Cina dan India		
Melayu	47.6	0.2	6.9	0.0	0.0	0.0	54.7	
Cina	5.1	13.2	5.3	0.1	0.0	0.7	24.4	
India	2.1	7.7	10.6	0.1	0.4	0.0	20.9	
Jumlah	54.8	21.1	22.8	0.2	0.4	0.7	100.0	
Bangsa	Berbincang tentang hobi					Jumlah		
	Melayu	Cina	India	Cina dan India	Melayu, Cina dan India			
Melayu	45.0	6.8	2.9	0.0	0.0	54.7		
Cina	1.7	14.5	7.7	0.1	0.4	24.4		
India	1.4	4.3	14.9	0.1	0.2	20.9		
Jumlah	48.1	25.6	25.5	0.2	0.6	100.0		

Bangsa	Bertukar pendapat dan fikiran mengenai isu semasa						Jumlah
	Melayu	Cina	India	Melayu dan Cina	Melayu dan India	Melayu, Cina dan India	
Melayu	53.5	0.6	0.4	0.0	0.0	0.2	54.7
Cina	1.6	17.8	3.4	0.6	0.3	0.7	24.4
India	1.2	6.4	9.6	2.4	0.6	0.7	20.9
Jumlah	56.3	24.8	13.4	3.0	0.9	1.6	100.0
Bangsa	Bertukar pendapat dan fikiran mengenai pelajaran						Jumlah
	Melayu	Cina	India	Melayu dan Cina	Cina dan India	Melayu, Cina dan India	
Melayu	51.9	2.2	0.4	0.2	0.0	0.0	54.7
Cina	3.7	14.5	4.7	0.5	0.0	1.0	24.4
India	0.9	4.7	11.1	3.1	0.1	1.0	20.9
Jumlah	56.5	21.4	16.2	3.8	0.1	2.0	100.0
Bangsa	Berkongsi rahsia diri						Jumlah
	Melayu	Cina	India	Melayu dan Cina	Melayu dan India	Melayu, Cina dan India	
Melayu	53.5	0.7	0.4	0.1	0.0	0.0	54.7
Cina	1.5	21.4	0.9	0.5	0.0	0.1	24.4
India	1.1	6.8	12.5	0.4	0.1	0.0	20.9
Jumlah	56.1	28.9	13.8%	1.0	0.1	0.1	100.0

n=1000

Jadual 2 menunjukkan pola interaksi dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. Data pada jadual tersebut diperoleh daripada 54.7% murid yang beretnik Melayu, 24.4% etnik Cina dan 20.9% etnik India yang telah dipilih sebagai responden kajian. Seperti yang dapat dilihat pada jadual tersebut, sebanyak lapan item digunakan untuk mengukur pola interaksi dalam kalangan murid di bilik darjah. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti murid memperlihatkan pola interaksi dalam lingkungan etnik yang sama berbanding merentasi etnik.

Berdasarkan Jadual 2, bagi item 'Keselesaan untuk bergaul' didapati bahawa sebanyak 53.5% murid Melayu, 13.8% murid Cina dan 16.3% murid India berasa lebih selesa untuk bergaul dengan rakan daripada etnik yang sama berbanding merentasi etnik. Bagi item 'Berbincang pengalaman peribadi', sebanyak 53.0% murid Melayu kerap berbincang pengalaman peribadi mereka dengan rakan seetnik berbanding rakan merentasi etnik. Begitu juga dengan 15.8% murid Cina dan 11.4% murid India yang kerap berbincang pengalaman peribadi mereka dengan rakan seetnik. Selain itu, bagi item 'Berbincang tentang budaya', sebanyak 39.9% murid Melayu, 10.3% murid Cina dan 9.5% murid India lebih banyak berbincang tentang budaya dengan rakan daripada etnik yang sama. Tambahan lagi, bagi item 'Berbincang tentang agama' pula, didapati sebanyak 47.6% murid Melayu, 13.2% murid Cina dan 10.6% murid India banyak berbincang tentang agama dengan rakan yang sama etnik dengan mereka. Malah, didapati sebanyak 7.7% murid India lagi banyak berbincang tentang agama dengan rakan daripada etnik Cina.

Pola interaksi yang sama diperhatikan dalam item-item lain yang digunakan untuk mengukur interaksi dalam kalangan murid. Misalnya, bagi item 'Berbincang tentang hobi', sebanyak 45.0% murid Melayu, 14.5% murid Cina dan 14.9% murid India didapati lebih banyak berbincang tentang hobi dengan rakan seetnik berbanding merentasi etnik. Data juga menunjukkan bahawa bagi item 'Bertukar pendapat dan fikiran mengenai isu semasa', sebanyak 53.5% murid Melayu lebih banyak bertukar pendapat dan fikiran mengenai isu semasa dengan rakan seetnik berbanding merentasi etnik. Begitu juga halnya dengan 17.8% murid Cina dan 9.6% murid India. Selain itu, bagi item 'Bertukar pendapat dan fikiran mengenai pelajaran', sebanyak 51.9% murid Melayu, 14.5% murid Cina dan 11.1% murid India lebih banyak bertukar pendapat dan fikiran mengenai pelajaran dengan rakan daripada etnik yang sama. Akhir sekali, bagi item 'Berkongsi rahsia diri', sebanyak 53.5% murid Melayu, 21.4% murid Cina dan 12.5% murid India didapati banyak berkongsi rahsia diri dengan rakan seetnik berbanding merentasi etnik.

Berdasarkan Jadual 2 tadi, dapat disimpulkan bahawa interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik yang mengambil tempat di persekitaran bilik darjah lebih menjurus kepada kumpulan etnik yang sama. Didapati majoriti murid Melayu berinteraksi dengan murid Melayu, murid Cina berinteraksi dengan murid Cina dan begitu juga dengan murid India yang lebih banyak berinteraksi dengan murid India. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sempadan etnik yang tebal antara murid pelbagai etnik di persekitaran bilik darjah dalam konteks interaksi.

5.0 PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneroka pola interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti murid didapati lebih selesa untuk bergaul dengan rakan seetnik. Pelbagai bentuk interaksi yang mengambil tempat dalam hubungan persahabatan di dalam bilik darjah misalnya perbincangan tentang pengalaman peribadi, budaya, agama dan hobi lebih menjurus kepada etnik masing-masing berbanding interaksi merentasi etnik. Hal yang sama diperhatikan dalam perkongsian rahsia dalam kalangan murid selain dalam tingkah laku murid bertukar-tukar pendapat dan fikiran mengenai isu semasa dan juga mengenai pelajaran. Maka, wujud jarak sosial yang tinggi dalam kalangan murid pelbagai etnik di persekitaran bilik darjah. Oleh itu, hasil kajian membuktikan bahawa pembentukan ruang interaksi dalam kalangan murid di bilik

darjah lebih menjurus kepada etnik sendiri berbanding merentasi etnik. Faktor persamaan etnik meningkatkan persefahaman antara murid daripada kelompok seetnik dan mengukuhkan pola interaksi dalam kalangan mereka di persekitaran bilik darjah. Peningkatan interaksi ini pula mengukuhkan persahabatan dalam kalangan murid daripada etnik yang sama.

Hasil kajian ini konsisten dengan kajian McPherson et al., (2001) yang mendapati bahawa adalah menjadi kebiasaan bagi murid sekolah untuk menjalin hubungan antara kelompok individu yang sama berbanding kelompok berlainan etnik. Hasil kajian ini juga menyokong kajian Hallinan dan Williams (1987), Kandel (1978) dan Tuma dan Hallinan (1979) dan membuktikan murid sekolah cenderung memilih rakan atas dasar persamaan bangsa. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan interaksi yang berlaku antara murid dalam aspek perbincangan tentang pengalaman peribadi, budaya, agama, hobi, perkongsian rahsia dan perkongsian pendapat berkaitan pelajaran dan isu semasa. Kajian ini juga konsisten dengan kajian Najeemah Mohd Yusof (2006) yang mendapati bahawa setiap kumpulan etnik di sekolah lebih cenderung untuk belajar dan berbincang dalam kumpulan etnik yang sama berbanding dengan kumpulan murid merentasi etnik. Berdasarkan hasil kajian ini, pola persamaan yang dikongsi bersama dapat dikatakan sebagai antara faktor yang amat penting dalam mengukuhkan pola interaksi dalam kalangan murid dalam kumpulan seetnik. Dalam aspek ini, hasil kajian juga konsisten dengan kajian Lee (2006) yang mendapati bahawa hubungan persahabatan merentasi etnik wujud akibat persamaan yang dikongsi bersama.

Sehubungan itu, terdapat beberapa kemungkinan tentang faktor yang menghalang interaksi merentasi etnik dalam kalangan murid di persekitaran bilik darjah dapat dijelaskan daripada dapatan kajian ini dengan merujuk kepada. Kemungkinan-kemungkinan ini perlu dilihat dari tiga perspektif. Pertama, ia perlu dilihat dari perspektif murid itu sendiri. Pembentukan pola interaksi dalam kalangan kelompok etnik masing-masing menggambarkan satu bentuk keselesaan dalam pergaulan dalam kalangan murid akibat persamaan yang dikongsi bersama dalam konteks bahasa, budaya dan agama. Pola interaksi yang berakarumbikan nilai-nilai ini dipercayai menguatkan rasa 'kekitaan' dalam kalangan murid daripada kelompok etnik yang sama. Dalam aspek ini, komunikasi yang baik memberi kesan positif ke atas pola interaksi dan kerapatan dalam hubungan persahabatan dalam kelompok etnik yang sama. Oleh itu, seperti yang dikatakan oleh Sias dan Cahill (1988), apabila kerapatan murid bertambah maka murid menunjukkan interaksi yang lebih kerap, bersifat luas

dan bebas. Maka, pola interaksi lebih berpihak kepada hubungan dan persahabatan murid daripada etnik yang sama. Selain itu, keselesaan dalam pergaulan murid juga mempunyai perkaitan dengan penggunaan bahasa ibunda. Bahasa ibunda memudahkan proses komunikasi dan pemahaman terhadap makna komunikasi oleh murid daripada etnik yang sama berbanding penggunaan bahasa kedua dalam interaksi. Tambahan lagi, kekuatan interaksi seetnik juga boleh dipengaruhi oleh pandangan bahawa murid daripada etnik yang sama mudah memahami isi hati akibat persamaan latar belakang budaya dan agama. Pemikiran sebegini mampu meningkatkan kepercayaan terhadap rakan daripada etnik yang sama dalam interaksi berbanding rakan daripada etnik lain.

Kedua, faktor yang menghalang interaksi merentasi etnik dalam kalangan murid di persekitaran bilik darjah juga perlu dilihat dari perspektif keluarga. Sejak kelahiran, seseorang anak kuat dipengaruhi oleh asuhan dan didikan dalam persekitaran budaya seetnik. Malah, pola interaksi awal seseorang anak di rumah secara umumnya menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Maka, kebiasaan dan keselesaan yang telah dilalui dalam interaksi di rumah masing-masing memberi kesan kepada murid apabila mereka berada di bangku persekolahan di mana murid terpaksa menyesuaikan diri dengan murid daripada latar belakang etnik dan bahasa yang berbeza. Pertembungan murid daripada etnik yang berbeza di persekitaran bilik darjah mendorong mereka mencari nilai-nilai persamaan dalam hubungan dan interaksi. Kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan murid daripada etnik lain akibat pelbagai ketidaksamaan mendorong mereka membentuk interaksi dan mengukuhkan persahabatan daripada etnik yang sama.

Ketiga, faktor penghalang interaksi merentasi etnik dalam kalangan murid juga perlu dilihat dari perspektif sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa semua sekolah sememangnya berusaha untuk membentuk hubungan etnik dalam kalangan murid. Namun, kejayaannya bergantung kepada perancangan, strategi dan juga darjah penglibatan guru dalam menjayakan aspirasi ini. Kekurangan mana-mana satu elemen daripada komponen ini tidak kira sama ada perancangan, strategi mahupun darjah penglibatan guru maka ia pasti akan memberi kesan yang tinggi ke atas pola interaksi merentasi etnik yang diharapkan oleh pihak sekolah.

Justeru, hasil kajian ini mencadangkan beberapa keperluan untuk memupuk interaksi yang lebih efektif dalam kalangan murid merentasi etnik di bilik darjah. Peranan guru amat penting dalam merangsang

interaksi dan memperkukuh hubungan persahabatan merentasi etnik dalam kalangan murid. Peranan guru tidak terhenti setakat mengajar atau mendedahkan murid dengan pelbagai aktiviti di persekitaran sekolah dalam usaha merangsang pembentukan interaksi merentasi etnik. Akan tetapi, guru perlu memastikan usaha tersebut mencapai kejayaan yang menyeluruh. Dalam hal ini, penerapan *bookish knowledge* sahaja tidak mencukupi untuk merangsang dan memperkukuh interaksi dalam kalangan murid merentasi etnik di persekitaran bilik darjah. Pihak sekolah perlu juga menerapkan elemen *practical knowledge* dalam diri murid. Murid perlu disedarkan dengan kepentingan interaksi merentasi etnik bagi mengukuhkan hubungan etnik. Murid juga perlu disedarkan dengan keupayaan mereka membangunkan potensi terpendam secara menyeluruh dalam penghasilan komunikasi dan pembentukan interaksi yang efektif dengan murid berbilang etnik. Imej diri dan estim diri murid perlu dicungkil keluar oleh guru dari dalam diri murid untuk membolehkan murid melihat kredibiliti mereka yang sebenar. Keselesaan dalam pergaulan mengikut etnik di persekitaran bilik darjah perlu diganti dengan keselesaan pergaulan merentasi etnik. Maka, aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mengambil tempat di sekolah perlu diperkukuh lagi dengan perancangan, strategi dan darjah penglibatan guru bagi mencapai integrasi etnik dalam bilik darjah melalui interaksi yang efektif dalam kalangan murid. Selain itu, kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa murid amat perlu untuk membolehkan pihak sekolah menyalurkan pelbagai maklumat kepada ibu bapa berkaitan kepentingan penerapan nilai hubungan etnik dalam diri anak dari awal asuhan di persekitaran rumah.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Kajian ini dilakukan di dua buah negeri sahaja iaitu Perak dan Kedah. Kajian pada skala yang lebih besar dan meliputi semua negeri di Malaysia dapat menghasilkan keputusan yang lebih menarik. Selain itu, kajian ini hanya menekankan pola interaksi dalam kalangan murid melibatkan sekolah menengah. Kajian tidak mengambil kira pola interaksi dalam kalangan murid di sekolah rendah. Kajian juga tidak mengambil kira paten interaksi murid antara kumpulan etnik di sekolah menengah dengan membandingkan murid yang berasal daripada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Kajian perbandingan sebegini mampu menghasilkan keputusan yang menarik. Tambahan lagi, kajian ini tidak mengambil kira keberkesanan peranan guru dalam memupuk interaksi dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian pada masa akan datang perlu mengambil kira perkara ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia (304/PJJauh/6311036).

RUJUKAN

- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih. (1998). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Allport, G.W. (1954). *The nature of prejudice*. New York: Doubleday & Company, Inc.
- Gareis, E. (2000). Intercultural friendship: Five case studies of German students in the USA. *Journal of Intercultural Studies*, 21(1), 67-91.
- Hallinan, M.T. and Williams, R.A. (1987). The stability of students' interracial friendships. *American Sociological Review*, 52, 653-664.
- Kandel, D.B. (1978). Similarity in real-life adolescent friendship pairs. *Journal of Personality and Social Psychology*, 36(3), 306-312.
- Majlis Dialog Nasional Pendidikan Negara Bersama Warga KPM. 9 April 2011. Universiti Kebangsaan Malaysia. http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/2012/1333974475.pdf. Dicapai pada 5 Jun 2014.
- Mansor Mohd Noor. (2005). *Integrasi etnik di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Monograf Penyelidikan Pendidikan Tinggi*. USM: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).
- McPherson, M., Smith-Lovin, L. and Cook, J.M. (2001). Birds of a feather: Homophily in social networks. *Annual Review of Sociology*, 27, 415-444.
- Mior Khairul Azrin. (2011). *Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional*. Sosiohumanika, 4(1), 33-47.
- Mohd Rizal Mohd Said dan Thay Cheow Yin. (2012). Tahap hubungan etnik: Kajian di kalangan pelajar yang mengikuti kursus sarjana teknologi serta pendidikan (kemahiran hidup), sesi pengajian 2007-2008, semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6 (Jun), 59-72.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). *Pembinaan negara bangsa Malaysia: Peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan*. JEBAT, 36, 90-106.
- Najeemah Mohd Yusof. (2006). Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian secondary schools. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 21, 149-164.
- Najeemah Mohd Yusof. (2010). *Bahasa dan sempadan etnik dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah menengah di Malaysia* [Internet]. Dicapai pada

3 September 2014. http://www.mymla.org/files/icmm2010_papers/ICMM2010_p45.pdf

- Sanusi Osman (1989). *Ikatan etnik dan kelas di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sias, P.M. & Cahill, D.J. (1998). From coworkers to friends: The development of peer friendships in the workplace. *Western Journal of Communication*, 62(3), 273-299.
- Sias, P.M., Drzewiecka, J.A., Meares, M., Bent, R., Konomi, Y., Ortega, M. and White, C. (2008). Intercultural friendship development. *Communication Reports*, 21(1), 1-13.
- Tuma, N.B. and Hallinan, M.T. (1979). The effects of sex, race, and achievement on school children's friendships. *Social Forces*, 57(4), 1265-1285.
- Yasmin Ahmad and Najeemah Mohd Yusof. (2012). Social distance and ethnic boundary among pupils in multiethnic and monoethnic school environment in Malaysia. *Journal of Sociology & Anthropology*, 2012(2), 1-17.

